

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **DATUK DR. EWON BIN EBIN**
KAWASAN : **RANAU**
TARIKH : **10 NOVEMBER 2017**
NO. SOALAN : **42**

SOALAN

Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-

- (a) Apakah benar laporan beberapa portal berita yang menyatakan bahawa beberapa syarikat antarabangsa, antara lain Korean Bbq Chain Bulgogi Brothers, Japan Tobacco Internasional (JTI), Rubicon Technology Inc, Suzuki Motor Corporation, Seagate Technology PLC, British American Tobacco (bat), Samsung, Western Digital Corp (WD), Amphenol Corp, Fairchild Semiconductor International Inc, STR Holdings Inc dan Sunedison Semiconductor LTD akan menutup operasi mereka di Malaysia; dan
- (b) Jika benar, berapakah jumlah pelaburan asing yang akan terlibat dan berapa ramaikah kakitangan langsung dan sokongan yang akan terlibat kehilangan pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan maklumat terkini, hanya tujuh (8) syarikat perkilangan sahaja telah menutup operasi mereka di negara ini iaitu Rubicon Technology Inc, Seagate Technology PLC, British American Tobacco (BAT), Samsung, Amphenol Corp, Fairchild Semiconductor International Inc, STR Holdings Inc dan Sunedison Semiconductor LTD. Walau bagaimanapun, tiga (3) lagi syarikat perkilangan iaitu Japan Tobacco Internasional (JTI), Suzuki Motor Corporation (SMC), dan Western Digital (M) Sdn. Bhd. masih beroperasi tetapi telah menstrukturkan semula syarikat untuk memastikan kekal kompetitif di peringkat antarabangsa.

Jumlah pelaburan asing bagi lapan (8) syarikat yang menutup operasi ialah RM5.4 bilion dan jumlah kehilangan pekerjaan adalah sebanyak 6,412 orang. Di antara sebab-sebab penutupan operasi syarikat-syarikat berkenaan adalah:

- (i) keadaan pasaran yang lemah berikutan penurunan dalam jualan disebabkan teknologi baharu yang menimbulkan gangguan (*Disruptive technology*);
- (ii) pengambilalihan oleh syarikat lain; dan
- (iii) penstrukturan semula kumpulan syarikat bagi memastikan syarikat kekal kompetitif di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia sememangnya memerlukan pelaburan asing yang berkualiti untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara dan mewujudkan peluang-

170

peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Pada tahun 2016, sebanyak 4,972 projek baharu dengan jumlah pelaburan asing dan tempatan sebanyak RM207.9 bilion telah diluluskan. Pelaburan ini telah mewujudkan sebanyak 153,060 peluang pekerjaan.

Antara langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk menarik lebih banyak pelaburan termasuk pelaburan asing adalah:

- (i) Melaksanakan “pendekatan berfokus” dan “pendekatan ekosistem” dalam usaha menarik pelaburan berkualiti dengan memberi penekanan terhadap industri bernilai tambah tinggi, industri berteknologi tinggi dan berintensifkan modal, industri berintensifkan pengetahuan serta aktiviti-aktiviti R&D. Dalam konteks ini, pelbagai galakan pelaburan berbentuk fiskal dan bukan fiskal bagi mempromosikan industri-industri tersebut telah diperkenalkan dan ditambahbaik secara berterusan;
- (ii) Penganjuran Misi Perdagangan dan Pelaburan oleh MITI ke negara-negara pengeksport utama, modal dan teknologi untuk menyebarkan maklumat tentang keadaan ekonomi negara yang terkini melalui penganjuran seminar, bengkel dan program-program berkaitan pelaburan yang berpotensi di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di negara ini;
- (iii) Kajian yang berterusan dan pelaksanaan dasar dan polisi pelaburan untuk memastikan Malaysia sentiasa menjadi destinasi pelaburan yang kondusif dan kompetitif untuk para pelabur asing dan tempatan di rantau ini. Pertimbangan dan pemberian insentif menyasarkan projek-projek yang berkualiti

dan berimpak tinggi yang dapat melengkapkan ekosistem sektor perkilangan dan perkhidmatan yang disasarkan;

- (iv) Memperluaskan pembangunan rantaian bekalan dengan menganjurkan beberapa sesi persidangan pembekal-pembekal industri atau *suppliers' conferences* dan juga menganjurkan program-program pembangunan vendor. Langkah-langkah ini juga dapat membantu pelabur-pelabur asing dalam *business matching*, untuk memulakan projek usahasama atau *joint-venture projects*, atau untuk melaksanakan pengilangan kontrak; dan
- (v) Menganjurkan program "*media engagement*", dan publisiti di dalam dan luar negara bagi mengemaskinikan pelabur - pelabur berpotensi dengan maklumat – maklumat pelaburan yang terkini.

Pada masa ini Kerajaan telah mewujudkan skim 1Malaysia Outplacement Centre (1MOC) untuk meningkatkan peluang kebolehan pasaran pekerja Malaysia yang telah diberhentikan kerja di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF). Di bawah inisiatif ini juga, pekerja Malaysia yang telah diberhentikan kerja akan dilengkapi dengan kemahiran industri tambahan atau kelayakan yang diperlukan untuk membolehkan mereka bekerja semula. Ini adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020), untuk memperkasakan modal insan melalui tenaga kerja yang berkualiti dan meningkatkan peluang pekerjaan kepada tenaga kerja.